

## **SPESIFIKASI STANDARD TEMBIKAI HITAM MANIS**

### **1. SKOP**

Spesifikasi standard ini adalah untuk Tembikai Hitam Manis atau nama botaninya *Citrullus Iunatus* Schard dari keluarga Cucurbitaceae yang dipasarkan untuk kegunaan segar. Ia juga dikenali sebagai Maskara, Tembikai Lonjong, Tembikai Bujur atau Timun Cina.

### **2. DEFINISI TERMA**

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

2.1. ***Kematangan*** - Terdiri daripada tiga (3) indeks seperti berikut:

- 2.1.1. ***Indeks 1***: Isinya 50 % berwarna merah pucat dan biji berwarna putih sedikit perang. Bunyi padat bila ditepuk. Rasa agak tawar dan berjus. Belum matang.
- 2.1.2. ***Indeks 2***: Isinya 70 - 85 % berwarna merah daripada putih dan biji berwarna hitam. Bunyi berongga bila ditepuk. Rasa manis dan berjus. Tekstur isi rangup. Matang/Masak.
- 2.1.3. ***Indeks 3***: Keseluruhan Isinya 90 % berwarna merah kehitaman dan biji berwarna hitam. Isi tembikai kurang ranggup dan rasa agak tawar dan kurang enak. Tidak Sesuai untuk dipasarkan. Terlalu masak.

2.2. ***Kematangan seragam*** - Konsainan dianggap seragam apabila mempunyai satu indeks sahaja dalam satu pembungkusan.

2.3. ***Segar*** - Mempunyai kulit licin, berkilat dan tangkai masih berwarna hijau.

2.4. ***Bersih*** - Bebas daripada kesan kotoran dan benda asing.

- 2.5. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjelaskan persembahan seperti cacat bentuk dan cacat rupa.
  - 2.5.1. **Cacat bentuk** - Berbentuk tidak sempurna seperti bentuk tidak seimbang, berbonggol dan sebagainya bagi varieti berkenaan.
  - 2.5.2. **Cacat rupa** - Mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti kesan parut, karat dan nyah warna luar biasa yang tidak boleh dibersihkan tetapi tidak menjelaskan isi buah. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit buah.
- 2.6. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak dan penyakit yang menjelaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.
  - 2.6.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti luka, pecah, lebam dan calar.
  - 2.6.2. Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.
  - 2.6.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk, reput dan berkulat disebabkan oleh organisma mikro.

### 3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1. Telah mencapai tahap kematangan seperti yang dikehendaki oleh pasaran. (Indeks 2)
- 3.2. Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak atau penyakit.
- 3.3. Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.4. Tangkai buah dipotong antara 5-7cm.

#### 4. PENGELASAN GRED

- 4.1. Buah Tembakai Hitam Manis dikelaskan kepada tiga (3) gred ; bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
Premium	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 3$ $\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 10$
1	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 5$ $\leq 10$ $\leq 10$
2	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	$\leq 10$ $\leq 10$ $\leq 10$ $\leq 10$ $\leq 10$

- 4.2. Bagi Tembakai Hitam Manis saiz ditentukan oleh berat dalam unit kilogram (kg) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		BERAT (kg)
Besar Sedang Kecil	L M S	A B C	< 2.0 1.5 – 2.0 < 1.5

## **5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN**

### **5.1. Pembungkusan**

- 5.1.1. Tembakai Maskara daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

### **5.2. Pelabelan**

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred

## **6. PERSAMPELAN**

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 “*Method Of Sampling Fresh Fruits*” atau kaedah statistik yang dipersetujui.